

08/08/1997

Alabaladi kekal populariti dalam pertunjukan bergerak

PENYANYI Alabaladi atau nama sebenarnya Abdul Rahman Mohammad, 52, terus mengekalkan populariti melalui pertunjukan bergerak sejak 30 tahun lalu.

Walaupun cacat, Alabaladi yang mahir bermain pelbagai alat muzik seperti gambus, akordian, seruling, bonggo, organ dan drum sering menjadi tontonan ribuan peminat di seluruh negara melalui siri persembahannya yang diadakan secara percuma.

Lagu irama Turki dan padang pasir pilihannya sering memukau peminat, malah, kebanyakannya terus terpaku hingga ke penghujung persembahan.

Tambahan pula Alabaladi mempunyai kemampuan berkomunikasi bersama peminat bagi membangkitkan suasana ceria dan gembira.

Alabaladi yang mula dikenali selepas album pertama terbitannya sendiri pada 1989 bukan sahaja mampu bertahan setanding penyanyi lain, malah berjaya menghasilkan album terbaru dan ketujuh berjudul Sahabul Nain.

Menurutnya, album yang akan berada di pasaran Oktober depan turut menampilkan lagu ciptaannya yang mengisahkan kehidupan manusia istimewa dan beberapa judul lagu dakwah.

Menurutnya, Anggota Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Dr Yussof Nor turut menyisipkan lirik dalam bahasa Arab berjudul Tuan Empunya Seruling.

"Lagu itu mengaitkan kisah saya yang berjaya menampilkan persembahan ke luar negara dan dikenali hanya dengan seruling bernilai RM2," katanya.

Alabaladi berkata, album itu memuatkan tiga lagu Arab dan tujuh lagu Melayu dan saya bercadang menghasilkan album ke lapan berjudul Kicaloh awal tahun depan.

Kicaloh, adalah singkatan daripada perkataan kecapi buluh yang berjaya dicipta bagi mengiringi nyanyiannya dalam setiap persembahan.

"Kalau dulu saya terkenal dengan seruling murah, kini saya berusaha mengumpul idea menggunakan bahan tempatan sebagai alat muzik yang boleh digunakan dengan kuasa elektrik," katanya.

Alabaladi yang berasal dari kampung Wakaf Baru, Tumpat, berkata pada 1989 seruling murah itu turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berkunjung ke Kelantan.

Alabaladi berpeluang mencipta nama di peringkat antarabangsa apabila terpilih mewakili negara ke Pesta Kesenian Islam di Belanda, Jerman Barat, Perancis dan Itali.

(END)